

Kesinambungan Legasi Sidi Muhammad Azahari dalam Sejarah Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah Kelantan

Mokhtar Lotfi Mohamed¹
Syed Hadzrullathfi Syed Omar²
Mohd Alwee Yusoff³

ABSTRAK

Perbincangan tarekat dalam konteks Malaysia khususnya negeri Kelantan, lazimnya merujuk kepada tarekat Ahmadiyyah. Dalam hal ini Kelantan sama seperti Negeri Sembilan kerana di kedua-dua negeri hanya tarekat Ahmadiyyah yang didapati luas bertapak. Kajian ini membincangkan tokoh-tokoh penggerak tarekat Ahmadiyyah di negeri Kelantan di bawah bimbingan Sidi Muhammad Azahari sebagai perintis, pengukuh dan penerus legasi beliau. Kajian akan mengemukakan para ulama yang merupakan murid-murid beliau yang menjadi kelompok perintis, pengukuh dan penerus kepada kesinambungan perkembangan tarekat Ahmadiyyah di Kelantan. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis data. Bagi memperolehi data yang tepat kaedah perpustakaan serta temubual telah digunakan. Hasil kajian mendapati beberapa orang murid dan lokaliti yang pernah menjadi pusat kegiatan tarekat Ahmadiyyah selepas Sidi Muhammad Azahari iaitu di Lorong Tok Semian Kota Bharu dipimpin oleh Haji Nik Abdullah Tuan Tabal, di Jalan Merbau oleh Haji Ahmad Mannan, di Kampung Kubang Pasu oleh Haji Abdus Salam Muhammad, di Kampung Bechah Keranji Peringat oleh Haji Muhammad Amin (Wak Min) dan di Bukit Abal oleh Haji Daud Omar al-Libadi. Semoga kajian ini menarik minat para pelajar serta membuka laluan kepada para penyelidik dan pengkaji sejarah lain untuk menggali dengan lebih mendalam berbagai maklumat berkaitan tarekat Ahmadiyyah Kelantan.

Kata Kunci: *Kesinambungan, Sidi Muhammad Azahari, Legasi, Tarekat Ahmadiyyah, Negeri Kelantan.*

¹ Pelajar Ph.D, Institut Penyelidikan Produk Dan Ketamadunan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia. E-mail (lotfi_xpdc@yahoo.com)

² Pensyarah Kanan, PhD, Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari (FKI),Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: hasrulshuhari@unisza.edu.my. (corresponding author)

³ Pensyarah Kanan, PhD, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri Kelantan, Malaysia. E-mail (alwie@um.edu.my)

ABSTRACT

The discussion of the Tariqa in the context of Malaysia especially in Kelantan, has specifically referring to the Tariqa Ahmadiyyah. Hence, Tariqa Ahmadiyyah has widely spread in two states which are Kelantan and Negeri Sembilan. This study discusses the scholars who have taken the actions to inherit, strengthen and pursue the Tariqa Ahmadiyyah in Kelantan that was pioneered by Sidi Muhammad. This research will expose a number of scholars who have successfully inherit, strengthen and pursue Tariqa Ahmadiyyah in Kelantan. This is a qualitative study that implies collection of data and also analysis of those data found. Library research and interview have been used to generate more accurate data. The outcome of the research has proven that there are a few scholars and venues found in Kelantan that have been used to spread Tariqa Ahmadiyyah after the Sidi Muhammad Azahari which are at Lorong Tok Semian Kota Bharu guided by Haji Nik Abdullah Tuan Tabal, at Jalan Merbau guided by Haji Ahmad Mannan, at Kampung Kubang Pasu guided by Haji Abdus Salam Muhammad Amin (Wak Min) and at Bukit Abal guided by Haji Daud Omar Al- Libadi. I hope that this research will attract the interest of students and also will be used to shed a light for future researchers to dig more on seeking a variety of information regarding Tariqa Ahmadiyyah in Kelantan.

Keywords: *Kesinambungan, Sidi Muhammad Azahari, Legasi, Tarekat Ahmadiyyah, Negeri Kelantan.*

PENDAHULUAN

Pada akhir kurun ke-19 Masihi lagi telah muncul ilmu yang berkaitan ilmu kesufian atau tasawuf di negeri Kelantan. Sejarah perkembangan ilmu kesufian di negeri Kelantan memperlihatkan kemunculan tokoh-tokoh sufi tempatan yang terkenal dan sumbangan mereka telah diiktiraf sehingga kini terutamanya keterampilan Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh al-Kelantani (Tuan Tabal 1840-1894) selaku peribadi peletak asas dan pencetus kelahiran tarekat Ahmadiyyah di Kelantan. Kelompok tokoh-tokoh sufi ini bukan sahaja meninggalkan khazanah ilmu dan pemikiran menerusi karya-karya, tetapi ada dalam kalangan mereka yang meninggalkan pusat-pusat gerakan tarekat yang bergiat aktif menyebarkan ilmu tarekat dan juga menjalankan aktiviti kesufian. Selepas Tuan Tabal muncul pula seorang tokoh dari luar Tanah Melayu datang ke Kelantan menyebarkan tarekat Ahmadiyyah beliau adalah Sidi Muhammad Azahari. Sebagai ulama perantau latar perjalanan hidup terutamanya latarbelakang peribadi Sidi Muhammad Azahari merupakan sesuatu yang agak sukar hendak dirungkaikan. Walaupun beliau dikenali sebagai seorang berketurunan Arab tetapi tidak dapat dipastikan dari negeri Arab yang mana beliau berasal. Sedgwick mengakui kebuntuan mengesani maklumat asal usul beliau kerana ada yang menyebut beliau berketurunan India⁴.

⁴ Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, (Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 89-91. Sedgwick, Mark J.R., *Saints and Sons: The Making and The Remaking of The Rashidi Ahmadi Sufi Order*, (Leiden: EJ Brill, 2005), 131.

Setakat ini hanya didapati Pauzi Haji Awang (Tariqah Ahmadiyyah: History and Development), Hamdan Hassan (Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah), Mark J.R. Sedgwick (The Making And Remaking Of The Rashidi Ahmad Sufi Order, 1799-2000), Che Zarina Sa'ari (Tarikat Ahmadiyyah: Satu Kajian di Negeri Kelantan) dan Ismail Che Daud (Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu 1 dan 2), Mohd Faizal Harun (Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia) mereka ini adalah tokoh pengkaji tempatan yang menyoroti sejarah pertumbuhan tarekat Ahmadiyyah di Malaysia termasuklah di Kelantan. Semua maklumat oleh para penyelidik ini hanya menyentuh beberapa cebisan maklumat dari perjalanan hidup Sidi Muhammad Azahari. Tidak disentuh secara khusus dan mendalam mengenai penglibatan, sumbangan dan anak murid beliau yang menjadi perintis, pengukuh dan penerus kepada legasi peninggalan beliau serta lokaliti yang menjadi pusat aktiviti tarekat Ahmadiyyah.

Kaedah pengumpulan data melalui perpustakaan dan temu bual khusus dengan kaum keluarga yang pernah menjadi murid kepada beliau dan tokoh penyelidik terdahulu dilakukan bagi mendapat maklumat yang benar tentang biografi tokoh-tokoh penggerak tarekat Ahmadiyyah di Kelantan. Hasil penyelidikan ini cuba mengisi beberapa kelompangan mengenai perjalanan hidup tokoh ini dan memberikan pencerahan kepada dakwaan yang mengatakan tarekat Ahmadiyyah bimbingan Sidi Muhammad Azahari lumpuh selepas beliau kembali ke Makkah dengan mengemukakan beberapa orang tokoh tempatan yang merupakan anak murid beliau yang meneruskan legasi beliau serta mengetengahkan lokaliti yang menjadi pusat penyebaran tarekat Ahmadiyyah di Kelantan⁵. Segala usaha yang ditinggalkan oleh Sidi Muhammad Azahari tidak dipersia-siakan oleh anak murid beliau, bahkan sehingga kini tarekat Ahmadiyyah masih subur di bumi Kelantan.

PENGENALAN PERIBADI SIDI MUHAMMAD AZAHARI

Nama penuh tokoh berkarisma ini ialah Sheikh Muhammad al-Azahari bin Abdul Maula. Tidak ada maklumat jelas tentang latar belakang kelahiran beliau, namun yang jelas beliau dikatakan berasal dari Makkah tanpa dapat dijejaki asal-usul keluarganya. Tahap pendidikan awal beliau serta nama guru-guru beliau juga agak tersembunyi dan hanya yang pasti beliau adalah anak murid kepada Sheikh Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (1839-1909) dalam ilmu tasawuf dan tarekat Ahmadiyyah⁶. Dari segi hirarki dalam salasilah tarekat Ahmadiyyah, Sidi Muhammad Azahari adalah berkedudukan sama juga dengan Muhammad Syafi'i bin Muhammad Salih (Tok Syafi'i Kedah), seorang tokoh ulama sufi Melayu yang terkenal dan berpengaruh di Makkah kerana sumbangan besarnya kepada penyebaran tarekat Ahmadiyyah di kalangan para penuntut Alam Melayu. Dari sudut kedudukan salasilah ini, Sidi Muhammad Azahari adalah lebih junior dari Tuan Tabal dan Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani, tokoh ulama Melayu yang amat terbilang di Makkah, kerana kedua-dua mereka ini seperingkat dengan Muhammad al-Dandarawi yang kesemuanya menerima ijazah tarekat dari Syeikh Ibrahim al-Rasyid⁷.

Sidi Muhammad Azahari datang ke negeri Kelantan dalam usaha mempropagandakan ajaran tarekat Ahmadiyyah. Beliau datang mengembara ke Kelantan atas arahan Muhammad al-Dandarawi kerana gurunya telah mendapat maklumat tentang berita penyebaran tarekat Ahmadiyyah di Kelantan atas daya usaha Tuan Tabal (Sedgwick, 2005). Mengikuti Ismail

⁵ *Ibid.*, 131.

⁶ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, (Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007), 559.

⁷ Ali Salih Karrar, *al-Tariqah al-Idrisiyyah fi al-Sudan*, (Beirut: Dar al-Jayl, 1991), 61-69. Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim", *Journal AFKAR* 2, (2002), 61-86.

Che Daud, tarikh ketibaan Sidi Muhammad Azahari di Kelantan adalah sebelum tahun 1905 iaitu tarikh ketibaan Syeikh Muhammad Sa'id Linggi. Menurut Ismail Che Daud semasa Syeikh Muhammad Sa'id Linggi tiba pada tahun 1905 beliau mendapati Sidi Muhammad Azahari sudah pun mengembangkan tarekat Ahmadiyyah di Pulau Kerbau, Kampung Laut dan Langgar dalam sekitar Bandar Kota Bharu⁸.

Sidi Muhammad Azahari didapati telah masuk ke negeri Kelantan beberapa kali, dan pertama kali datang ke Kelantan sekitar awal tahun 1900 iaitu bersama isteri beliau yang dikenali dengan panggilan "Siti" dikalangan anak murid beliau. Pada ketika itu beliau tinggal di rumah Tuan Guru Haji Nik Ismail berhampiran Makam Diraja Langgar, Kota Bharu. Rumah ini menjadi pusat kegiatan beliau terawal dalam mengembangkan tarekat Ahmadiyyah. Pengikut wanita menerima bai'ah melalui isteri beliau, manakala golongan lelaki pulau dengan beliau sendiri. Sidi Muhammad Azahari menghadapi cabaran besar pada tahun 1922 apabila berlakunya perselisihan di antara beliau dengan Haji Wan Musa mengenai tindakan Haji Wan Musa menentang tindakan Sidi Muhammad Azahari hendak menjual tanah yang diwakafkan kepadanya di Kampung Laut. Perselisihan ini berlarutan sehinggalah Sidi Muhammad Azahari dibawa kemuka pengadilan mahkamah Kota Bharu oleh Haji Wan Musa. Tindakan Sidi Muhammad Azahari ditolak oleh mahkamah. Lantaran itu mendorong beliau berundur dari bumi Kelantan dan berpindah ke Kuala Terengganu pada tahun 1924⁹. Selepas dapat hidup dengan aman damai di Terengganu dengan layanan muridnya itu, beliau kemudiannya pulang menetap di Makkah sehinggalah beliau meninggal dunia di sana pada tahun 1939¹⁰.

PARA MURID SIDI MUHAMMAD AZAHARI

Sememangnya Sidi Muhammad Azahari merupakan salah seorang ulama yang pernah menggegarkan bumi Kelantan kerana kewibawaan peribadi beliau sehingga disegani dan disanjung oleh masyarakat Kelantan serta digeruni oleh pihak penjajah Inggeris ketika itu. Panggilan hormat kepada beliau sebagai seorang bertaraf wali oleh para pengikut dan anak murid beliau telah menyemarakkan imej beliau. Kehadiran beliau ke Kelantan telah menyuburkan gerakan tarekat Ahmadiyyah yang diperkenalkan oleh Tuan Tabal sehingga meluas hampir ke seluruh negeri Kelantan. Walaupun dilanda dengan beberapa kontroversi sehingga terpaksa keluar dari bumi Kelantan, namun beliau tabah menghadapinya. Benteng keimanan dan keyakinan diri tidak sekali-kali membantut tekad usaha beliau untuk menyegarkan perkembangan tarekat Ahmadiyyah. Pencapaian ini adalah berkat dokongan dan kesetiaan para guru tarekat dan pengikut yang mewarisi legasi beliau. Walaupun jasad dan roh beliau telah kembali ke rahmatullah namun segala jasa dan sumbangan mutiara ilmu yang telah digilap tetap menyinar dan masih bertapak di bumi Kelantan. Bagi memperkenalkan tokoh-tokoh yang mewarisi legasi Sidi Muhammad Azahari dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu kelompok ulama perintis, pengukuh dan penerus kepada legasi beliau.

⁸ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, (Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012), 219-220.

⁹ Mohd Sarim Mustajab, "Haji Wan Musa B. Abdul Samad-Ulama Islah di Kota Bharu", (*Akademika*, 12 (1978), 10. Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim". (*Journal AFKAR*, 2, (2001), 76.

¹⁰ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, 559.

Kelompok Perintis

Haji Nik Abdullah Khatib Tuan Tabal

Nama asal beliau adalah Nik Abdullah bin Abdul Samad, beliau merupakan putera bongsu Tuan Tabal dari isterinya yang bernama Wan Som atau Wan Kalsom (anak Tok Semian). Dilahirkan pada tahun 1877, mendapat pendidikan awal dari bapanya seorang ulama Kelantan yang sangat masyhur. Seterusnya mengikuti jejak langkah abang-abangnya yang lain melanjutkan pelajaran ke Makkah untuk belajar agama diperingkat yang lebih tinggi. Semasa berada di Makkah, beliau dipercayai sempat berguru dengan beberapa orang tokoh guru yang ternama pada masa itu antaranya Tok Wan Ali Kutan, Syeikh Wan Ahmad bin Wan Mohd Zain al-Fatani, Syeikh Hasbullah dan lain-lain. Tidak ada maklumat jelas pada tahun berapa beliau berangkat, demikian juga tahun kepulangannya¹¹. Gelaran sebagai Tok Khatib diberikan kepada beliau kerana beliau pernah menjadi khatib di Masjid Muhammadi dari tahun 1908-1917. Selain jawatan sebagai khatib di Masjid Muhammadi beliau telah dilantik menjadi ahli mesyuarat Majlis Ugama Islam Kelantan dan ahli Dewan Ulama Majlis Ugama Islam Kelantan 24 Disember 1915 hingga 8 Ogos 1917. Beliau berhenti dari semua jawatan rasminya untuk menumpukan kepada kegiatan pengajian dan penyebaran tarekat Ahmadiyah di suraunya di Lorong Tok Semian yang berhampiran dengan surau ayahandanya Tuan Tabal. Surau beliau didirikan sejak tahun 1900¹².

Tok Khatib Haji Nik Abdullah adalah tokoh ulama yang seangkatan dengan Tok Kenali. Beliau mempunyai saham yang besar dalam memacu sistem pengajian pondok di Kota Bharu pada bahagian suku pertama abad ke-20 apabila bandar ini dikenali sebagai “Serambi Makkah” yang menjadi tumpuan para pelajar dari berbagai pelusuk Alam Melayu¹³. Beliau antara anak murid Sidi Muhammad Azhari yang setia di belakang gurunya itu. Semasa berlaku pertembungan antara Haji Wan Musa merupakan abang beliau dan Sidi Muhammad Azhari guru beliau, beliau berdiri teguh membela gurunya itu demi menjaga maruah dan kehormatan gurunya. Bagaimanapun, khidmatnya di surau ini berakhir tidak lama apabila beliau kemudiannya meninggal dunia secara mengejut disebabkan oleh penyakit naik angin sebab di dalam beberapa jam sahaja pada malam Khamis 11 Jumadil Akhir 1345 bersamaan 16 Disember 1926¹⁴.

Haji Ahmad Mannan

Nama asal Haji Che Ahmad bin Haji Abdul Manan tetapi sering diringkaskan dengan panggilan Haji Ahmad (Tok) Manan atau Tok Manan sahaja. Beliau juga masyhur dengan panggilan Haji Ahmad Hakim kerana pernah menjadi hakim di Mahkamah Syariah selama 4 tahun (1912-1915). Selain masyhur dengan panggilan Haji Ahmad Hakim, beliau juga dikenali dengan panggilan Tok Jebeng kerana berjambang lebat¹⁵. Nama beliau muncul sebagai seorang calon mufti selepas kematian Mufti Haji Che Idris pada tahun 1927. Beliau telah mendirikan pondoknya di tepian Jalan Merbau. Pondoknya menjadi sebuah pusat pengajian ternama di Kota Bharu dan juga pusat kegiatan tarekat Ahmadiyah. Reputasi

¹¹ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 570-572.

¹² Ismail Che Daud, temu bual pada 17hb. Ogos 2018. Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, 90.

¹³ Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, (Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, 2015), 175.

¹⁴ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 570-572.

¹⁵ *Ibid.*, 598-603.

ketokohnya juga menyebabkan beliau dilantik menjadi ahli (mesyuarat) Majlis Agama Islam Kelantan sekaligus mengetuai Jemaah Ulama¹⁶.

Menerima pendidikan tingginya di Makkah dan antara gurunya adalah Muhammad Shafi'i Kedah, menadah kitab *Hikam Ibn 'Ata'* yang sangat popular itu. Beliau sempat mendampingi Pak Chik Musa dan Tok Kenali, kerana itu ilmu nahunya agak tinggi. Sekembali dari Makkah beliau membuka kebun getah sambil mengajar di Bukit Panau Tanah Merah. Kemudian kembali ke Kota Bharu mendirikan surau (Pondok) di Kampung Menuang berjiranan Kampung Kubang Pasu sebelum akhirnya berpindah ke pondok di Jalan Merbau. Pondok beliau antara pondok yang menjadi tumpuan pelajar disekitar awal 1900 dan juga menjadi pusat kegiatan tarekat Ahmadiyyah. Beliau seumpama Tok Khatib Haji Nik Abdullah merupakan dua orang tokoh ulama terbilang anak murid Sidi Muhammad Azahari yang berdiri teguh dibelakang guru mereka dalam melalui kedua-dua kontroversi tersebut terutamanya semasa berlaku pertembungan antara Sidi Muhammad Azahari dengan Mufti Haji Wan Musa mengenai tanah wakaf di Kampung Laut. Beliau cekal membela kehormatan gurunya dan sanggup bertentangan dengan Haji Wan Musa, rakan sejiran dan rakan sepengajian dari zaman remaja. Peranan beliau sebagai penggerak tarekat Ahmadiyyah amat besar. Ketika munculnya tiga orang tokoh ulama ternama Haji Yaakub Haji Ismail (Haji Yaakub Legor), Haji Ali Pulau Pisang dan Haji Sa'ad Kangkong yang memimpin halaqah pengajian di Masjid Muhammadi telah mengkritik ajaran tasawuf dan amalan zikir tarekat. Teguran ini telah menimbulkan keresahan di kalangan para penuntut ilmu tasawuf dan pengikut tarekat Ahmadiyyah. Haji Ahmad Mannan, sebagai salah seorang tokoh kanan tarekat Ahmadiyyah tampil memberikan penjelasan dan pembelaan. Kritikan ini ternyata gagal memberikan tekanan yang melemahkan para pelajar ilmu tasawuf dan pengamal tarekat Ahmadiyyah. Beliau meninggal dunia pada jam 7.05 malam Ahad 5 Zulhijjah 1356 bersamaan 5 Februari 1938 dalam usia 62 tahun dan dikebumikan pada hari Ahad 6 Februari di Tanah Perkuburan Islam Kampung Banggol, Kota Bharu¹⁷.

Haji Muhammad Amin

Berikutnya anak murid kepada Sidi Muhammad Azahari ialah Haji Che Min, beliau antara tokoh agamawan Kelantan yang seakan hilang dalam lipatan sejarah. Ketokohan beliau dalam bidang agama dan tarekat digerhanakan oleh sikap peribadi beliau sendiri tidak mahu menonjol serta tidak mahu ditonjolkan oleh anak-anak murid beliau. Nama penuh beliau ialah Haji Muhammad Amin bin Che Wan dilahirkan di Kampung Seterpa Peringat Kota Bharu. Beliau berhijrah ke kampung Bechah Keranji tidak jauh dari perkampungan asal beliau, kemudian menetap di Kampung Bechah Keranji. Beliau juga dikenali sebagai Haji Wak Min Bechah Keranji dikalangan ikhwan tarekat Ahmadiyyah di Kota Bharu. Tarikh kelahiran beliau secara tepat tidak dapat diperolehi¹⁸.

Haji Che Min yang mempunyai pondoknya sendiri sebagai pusat kegiatan tarekat di Bechah Keranji telah menerima ijazah tarekat dari Sidi Muhammad Azahari. Haji Che Min merupakan seorang ulama perantau yang mengajar di beberapa negeri di luar Kelantan termasuklah di Selangor. Oleh kerana agak lama mengajar di situ, bagi mengenangkan jasa beliau, Sultan Selangor, Sultan Sulaiman Shah (1899-1939), seorang pemerintah yang terkenal warak dan gemar menjalin hubungan dengan para ulama telah mengurniakan

¹⁶ Ismail Che Daud, temu bual pada 17hb. Ogos 2018.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Ahmad Che Soh, temu bual pada 10hb. Mac 2019, Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim". (*Journal AFKAR*, 2, (2001), 76.

sekeping tanah di kawasan Kampung Baru Kuala Lumpur¹⁹. Mengikuti sepucuk surat yang ditemui, Haji Che Min merupakan seorang ulama terbilang pada zamannya di sekitar awal 1900. Surat ini merupakan surat tauliah mengajar pada tahun 1909 yang diterima dari mufti Haji Wan Musa. Dalam surat yang bertarikh 14 Zulqaedah 1327, beliau yang dirujuk dengan panggilan Imam Surau Bechah Keranji, telah diamanahkan tugas mengajar di kawasanya dan di kampung-kampung yang menyeberangi Sungai Kelantan (sebelah matahari jatuh Sungai Besar Kelantan) seperti Tendung, Kubang Pak Amin, Tar Tujuh, Kampung Kundur dan Kubang Sepat. Selain semenanjung Tanah Melayu Haji Che Min turut mengembara dalam misi dakwah beliau sehingga ke Selatan Thailand dan ke Bangkok dan semasa di sana beliau turut mempunyai murid yang ramai²⁰. Beliau mendirikan sebuah surau kemudian dinaik taraf menjadi masjid di kampung Bechah Keranji. Masjid beliau ini dijadikan pusat aktiviti tarekat Ahmadiyah dengan mengadakan zikir halaqah setiap malam Isnin, Rabu dan Jumaat. Zikir halaqah bagi kumpulan ini dijalankan selepas solat Isyak. Apabila Haji Che Min meninggal dunia sebelum Perang Dunia Kedua, kegiatan pergerakan tarekat di Bechah Keranji diteruskan oleh menantu yang juga anak saudaranya, Haji Yaakub bin Saat tetapi tidak bertahan lama²¹.

Haji Awang Limbat

Nama sebenar Haji Awang Limbat ini ialah Haji Wan Ahmad Haji Ismail (meninggal 1934). Beliau ialah seorang guru pondok berwibawa pada separuh pertama abad ke-20 bertempat di pondoknya di Limbat dan kemudiannya di Bukit Abal. Keluarga beliau terkenal rapat dengan keluarga diraja Limbat. Beliau memperdalami pengajian agama di bawah bimbingan Tok Bachok Tua di Pasir Mas, Haji Nik Man Tua, Haji Wan Musa dan Tok Khatib Haji Nik Abdullah. Pengalaman berdamping mengaji dengan dua putera Tuan Tabal telah mempengaruhi beliau untuk ditalqinkan sebagai pengikut dan pengamal tarekat Ahmadiyah yang berkiblat kepada kepimpinan Sidi Muhammad Azahari. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajiannya ke Makkah pada tahun 1911. Beliau kembali pulang selepas 13 tahun berada di Makkah dan bergiat dalam memajukan pondok yang didirikannya²².

Haji Awang Limbat yang lebih akrab disapa dengan panggilan Pak Teh Yeh ini ialah bapa saudara dan juga bapa mertua Haji Daud Bukit Abal. Dalam kedudukan tersebut beliau amat prihatin dengan perkembangan pendidikan Haji Daud Bukit Abal dari saat remaja lagi. Beliau menaruh harapan besar supaya menjadi seorang yang berguna kepada agama dan masyarakat dengan menceburi bidang perpondokan, beliaulah yang memanggil Haji Daud pulang semasa meyambung pengajian dibidang ilmu hadis dan Quran di Deoband, India kerana bimbang anak saudaranya akan terpengaruh dengan aliran pembaharuan pemikiran Islam yang dibawa oleh para pendokong ajaran Syah Waliyyullah al-Dihlawi²³. Haji Daud dinasihatkan supaya belajar di tanah air atau ke Makkah. Desakan bapa saudaranya ini dipercayai kerana hendak mengelakkan anak saudaranya dari ikut dipengaruhi ajaran Syah Waliyyullah al-Dihlawi yang didokong kuat oleh Haji Wan Musa, bekas gurunya. Desakan Haji Awang Limbat ini mendorong Haji Daud kembali pulang. Sesungguhnya tindakan tegas Haji Awang Limbat ini tidak sia-sia kerana terbukti Haji Daud kemudiannya terserlah sebagai seorang tokoh penggerak tarekat Ahmadiyah yang disegani dan dihormati.

¹⁹ Rahimah Che Ibrahim, temu bual pada 10hb. Mac 2019.

²⁰ Ahmad Che Soh, temu bual pada 10hb. Mac 2019.

²¹ Rahimah Che Ibrahim, temu bual pada 10hb. Mac 2019.

²² Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 596-598

²³ *Ibid.*

Haji Yaakub Ahmad Gajah Mati

Haji Yaakub bin Haji Ahmad merupakan seorang tokoh guru agama terkemuka di Kota Bharu pada suku kedua abad ke-20. Beliau adalah murid kanan Tok Kenali dan murid Sidi Muhammad Azahari dalam tarekat Ahmadiyyah. Haji Yaakub Ahmad dilahirkan oleh ibunya, Che Membunga di Kampung Sireh pada tahun 1895 Masihi dari satu keluarga seni dan pedagang iaitu tukang emas dan peniaga. Sejak kecil lagi Haji Yaakub Ahmad telah menumpukan minatnya kepada pengajian Islam atas dorongan sendiri, setelah mengalami pahit getir atas kehilangan ibunya dalam usia masih kecil. Beliau dibawa ke Makkah pertama kalinya pada 23 Januari 1909 dan tinggal selama setahun di sana²⁴. Sekembali dari Makkah, beliau menyambung pengajian dengan Tok Kenali di Kampung Kenali Kubang Kerian hingga menjadi seorang alim. Pada akhir tahun 1916 beliau berhenti dari belajar di Kenali dan sekali lagi bertolak ke Makkah bersama ayahnya. Pada kali ini beliau tinggal kira-kira tiga tahun untuk menambahkan lagi pelajaran yang sudah sedia ada. Setelah kembali dari Makkah beliau telah menjadi guru di Madrasah Muhammadiyyah yang baru didirikan oleh Majlis Ugama Islam Kelantan. Beliau juga merupakan seorang guru penting dalam halaqah pengajian Masjid Muhammadi selain menjadi salah seorang anggota Jemaah Ulama Majlis Ugama Islam Kelantan dan pernah dipertanggungjawab sebagai setiausaha majlis ini²⁵. Semasa inilah juga beliau mendirikan sebuah pondok yang terletak di kampung Gajah Mati, dan menjadi salah sebuah pusat pengajian yang menarik tumpuan ramai pelajar, selain itu dikenali sebagai pusat gerakan tarekat Ahmadiyyah.

Walaubagaimana pun kegemilangan pusat tarekat Ahmadiyyah di Lorong Gajah Mati, yang selalu diadakan upacara ratib tarekat Ahmadiyyah dan kuat berpegang kepada Mazhab Shafie telah menimbulkan kontroversi setelah beliau mendampingi Tok Khurasan guru hadith terkemuka pada masa itu. Bagi diri Haji Abdullah Idris (anak murid Haji Yaakub Ahmad) tanggapan bahawa gurunya itu meninggalkan tarekat sama sekali tidak dapat diterimanya berdasarkan pengalaman beliau yang tidak pernah terputus hubungan dari mengunjungi Haji Yaakub Ahmad pada apa jua kesempatan yang ada sehingga ke akhir hayat gurunya pada tahun 1956. Pada setiap majlis jamuan haul tarekat Ahmadiyyah yang biasanya diadakan sebanyak empat kali setahun oleh perkumpulan tarekat Ahmadiyyah di bawah bimbingan Haji Abdus Salam Muhammad, bapa mertua Haji Abdullah Idris didapati Haji Yaakub Ahmad tidak pernah ralat (berkecuali) dari menghidungnya sehingga ke akhir hayat beliau²⁶.

Malahan pada akhir hayatnya beliau telah menulis buku bertajuk “Cenderamataku” yang mengandungi bacaan wirid-wirid *Musabba’at al-Azahariyyah* iaitu kumpulan wirid yang diterima dari guru kerohaniannya, Sidi Muhammad Azahari. Dengan pengeluaran buku ini yang hanya dapat dilaksanakan selepas kematiannya jelas memaparkan bahawa sehingga penghujung hayatnya beliau masih mengamalkan wirid tarekat Ahmadiyyah. Penerbitan ini juga dengan amat ketara mencerminkan hasrat beliau supaya amalan wirid tarekat perlu diteruskan²⁷. Setelah sekian waktu berkhidmat dan setelah melahirkan sekian ramai murid maka pada pagi Sabtu 6 Jumad al-Awwal 1376 bersamaan 8 Disember 1956 beliau pulang ke rahmatullah di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu setelah menghidap penyakit jantung beberapa bulan²⁸.

²⁴ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 523-534.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Auni Abdullah, temu bual pada 17hb. Ogos 2019

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 523-534

Haji Abdus Salam bin Muhammad

Haji Abdus Salam bin Muhammad (1880-1962) seorang yang berkulit gelap sehingga dianggap seorang berketurunan India. Pada mulanya keluarga Haji Abdus Salam menetap berhampiran Sungai Kelantan di Kampung Atas Paloh di sebuah kediaman yang didirikan oleh datuknya, Tok Kassim, seorang Cina pemeluk Islam yang dikenali sebagai seorang peniaga yang berjaya. Kerana halaman rumahnya mudah dilandai banjir, mereka kemudiannya berpindah ke Kampung Kubang Pasu yang tidak berjauhan dan lebih tinggi permukaan tanahnya. Pada usia remaja Haji Abdus Salam telah dikenali seorang usahawan yang gigih berusaha. Beliau telah ikut berkecimpung dalam perusahaan ladang getah yang menjadi popular di kalangan keluarga usahawan Melayu Kota Bharu seperti keluarga Wan Noh Nakhoda, usahawan dan hartawan masyhur dari Pasir Pekan²⁹.

Sebagai seorang usahawan ternama dan dihormati di kalangan masyarakat Kota Bharu, Haji Abdus Salam dapat menjalin persahabatan dengan mereka yang ternama di kalangan masyarakat Kota Bharu terdiri dari ulama, para pembesar negeri dan tokoh-tokoh setempat seperti Tok Kenali, Tok Khatib Haji Nik Abdullah, Haji Ahmad Mannan, Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Nik Mahmud Ismail, Datuk Laksmana Muhammad bin Muhammad Sa'id, dan ramai lagi³⁰. Haji Abdus Salam dari usia remaja tidak pernah menghadirkan diri sebagai pelajar rasmi di mana pusat pengajian agama yang berdekatan dan yang banyak terdapat disekitar kediaman orang tuanya, Muhammad bin Kassim di Kampung Kubang Pasu. Haji Abdus Salam mampu mencedok ilmu agama dari perbualan dan bertukar fikiran dengan teman-teman sekampung dan para pelajar yang menduduki pondok-pondok yang dibina di sepanjang Jalan Kubang Pasu menghala ke Masjid Muhammadi. Titik peralihan kecenderungan beliau berlaku pada sekitar akhir 1920 apabila beliau bertemu dengan Haji Che Muhammad Amin³¹.

Selain menerima ijazah tarekat dengan Haji Che Min beliau juga mendapat ijazah tarekat Ahmadiyyah dari Sidi Muhammad Azahari. Namun orang yang bertanggungjawab membentuk dan membimbing beliau ke jalan kesufian adalah Haji Che Min. Beliau telah menjadikan rumah beliau sebagai surau yang terletak di belakang Pasar Kubang Pasu sebagai pusat kegiatan tarekat Ahmadiyyah. Zikir halaqah di Surau Haji Abdus Salam dikendalikan oleh Haji Abdus Salam dengan dibantu oleh menantunya Haji Abdullah Idris juga merupakan anak murid kepada Sidi Muhammad Azahari. Gabungan menantu dan mertua ini telah mengembangkan lagi tarekat Ahmadiyyah dan mendapat sambutan dari para ikhwan sekitar Kota Bharu, Bachok, Kampung laut, Machang, Pasir Puteh, Selatan Tahiland dan lain tempat. Namun begitu selepas kematian Haji Abdus Salam pada 1962 kegiatan tarekat Ahmadiyyah bagi kumpulan Kubang Pasu semakin beransur suram kerana menantunya itu tidak mahu mengepalai kumpulan tarekat. Bermula saat itu para ikhwan tarekat kumpulan Kubang Pasu telah membuat haluan sendiri, ada yang ke Bukit Abal, Pulau Chondong, Kampung Laut, Bechah Keranji dan ada yang mengamalkan zikir tarekat secara bersendirian³².

²⁹ Anisah Abdullah, temu bual pada 06hb. Mei 2019

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

³² Auni Abdullah, temu bual pada 17hb. Ogos 2019.

Kelompok Pengukuh

Haji Nik Abdul Rahman Khatib

Beliau merupakan generasi ketiga dari keturunan Tuan Tabal mewarisi dan mengembangkan tarekat Ahmadiyyah di bumi Kelantan. Nama asal beliau Nik Abdul Rahman bin Abdullah bin Abdul Samad dilahirkan di Kubang Pasu, Kota Bharu pada tahun 1911. Mendalami ilmu agama semenjak kecil lagi di bawah pangkuan bapanya yang mempunyai pondok di Lorong Tok Semian dan pondok bapanya antara pondok yang masyhur di Kelantan ketika itu. Selain berguru dengan bapanya sendiri, beliau juga berguru dengan beberapa orang guru yang terbilang ketika itu antaranya, Tuan Guru Haji Muhammad Hakim, Haji Ahmad Mannan dan lain-lain. Dalam usia 22 tahun beliau berkahwin dengan Fatimah bt. Yusuf dan mendapat anak pertama dalam tahun 1934. Setahun kemudian 1935 dengan berat hati kerana cintakan ilmu beliau terpaksa meinggalkan anak dan isteri untuk melanjutkan pelajaran ke Makkah. Selama 4 tahun berada di Makkah dengan mengutip pelbagai ilmu agama di sana beliau kembali ke Kelantan³³.

Sekembali dari Makkah beliau terus menghidupkan kembali pondok peninggalan ayahnya, tetapi ketika itu para pelajar tidak begitu ramai antara 50-60 orang sahaja. Pada 4 Julai 1946 beliau telah dilantik menjadi imam Masjid Muhammadi dan kelantangan beliau berkhotbah telah menonjolkan ketokohan beliau. Kemudian beliau dilantik menjadi Ahli Dewan Ulama Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1949, jawatan ini dipegang oleh beliau sehingga meninggal dunia. Beliau juga pernah menjadi guru di Jame' Merbau al-Ismaili (Maahad Muhammadi) pada 5 Disember 1952 dan mengajar mata pelajaran, fekah, tafsir dan mata pelajaran lain³⁴. Beliau menerima tarekat Ahmadiyyah dari bapanya sendiri, sekembali dari Makkah beliau aktif menyebarkan tarekat Ahmadiyyah dengan mengikuti majlis zikir halaqah dan majlis haul. Beliau amat bimbang dengan perkembangan tarekat kerana itu beliau menzahirkan rasa kecewa "*Orang sekarang tidak berminat dengan tarekat*". Antara faktor beliau berkata sedemikian kerana kecewa melihat suasana masyarakat Muslim Kelantan mula meminggirkan aliran tasawuf tarekat ketika itu (Auni Haji Abdullah, temubual). Beliau merupakan legasi terakhir dari keturunan Tuan Tabal yang dikenali masyarakat Kelantan sebagai penyambung legasi tarekat Ahmadiyyah. Selepas zaman Haji Nik Abdul Rahman masih diteruskan oleh keturunan Tuan Tabal tetapi tidak semasyhur tiga rangkaian ini, iaitu Haji Wan Musa, Haji Nik Abdullah dan Haji Nik Abdul Rahman dari keturunan Tuan Tabal³⁵. Setelah berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara beliau telah meninggal dunia pada tahun 1986 dalam usia 57 tahun.

Haji Wan Mamat bin Sulaiman

Nama penuh beliau Haji Wan Mamat bin Sulaiman, lahir pada tahun 1894. Beliau ialah seorang pemimpin perkumpulan tarekat Ahmadiyyah di sebuah surau di Kampung Laut. Menerima ijazah tarekat pada usia sepuluh tahun dari Sidi Muhammad Azahari yang sedang bergiat aktif menyebarkan ajaran tarekat pada sekitar 1900 di sekitar Bandar Kota Bharu termasuklah Kampung Laut. Dari awal kemunculannya lagi Kampung Laut dikenali sebagai

³³ Muhammaad Yunan Mahmood, *100 Tokoh Guru Maahad Muhammadi*, (Kelantan : Yayasan Islam Kelantan, t.t), 155-160. Mohd Faizal Harun, *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Aliran di Malaysia*, (Kedah: UUM Sintok, (2015),189-197.

³⁴ Muhammaad Yunan Mahmood, *100 Tokoh Guru Maahad Muhammadi*, 155-160.

³⁵ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Aliran di Malaysia*, (Kedah: UUM Sintok, (2015),189-197.

salah satu tempat di mana Sidi Muhammad Azahari berjaya menarik ramai para pengikut dan bergemanya majlis zikir tarekat yang diikuti ramai penduduk Kampung Laut³⁶.

Salah seorang pengikut terawal yang ditalqinkan oleh Sidi Muhammad Azahari ialah Haji Sa'id, seorang yang sudah lanjut usia yang kemudiannya menjadi tokoh yang dapat mendirikan sekumpulan pengikut untuk mengukuhkan pertapakan tarekat Ahmadiyah di Kampung Laut³⁷. Haji Sa'id seterusnya yang sudah berusia 100 tahun telah menyerahkan perkumpulan tarekat pimpinannya kepada Haji Wan Mamat bin Sulaiman yang terletak di Kampung Dalam Pandan. Di bawah kepimpinannya, mulai tahun 1928 Haji Wan Mamat secara tetap telah mengadakan majlis zikir tarekat pada hari Jumaat, Isnin dan Khamis. Majlis zikir yang diadakan di suraunya yang dikenali dengan nama Surau Tok Wan Mat berterusan sehinggalah keakhir 1980-an³⁸.

Haji Daud Bukit Abal

Seorang lagi anak murid Sidi Muhammad Azahari yang menjadi tokoh penggerak tarekat Ahmadiyah di Kelantan iaitu Haji Daud al-Libadi. Pusat gerakan tarekat Ahmadiyah terletak di Bukit Abal, sebuah kampung yang terletak berhampiran bandar Pasir Puteh. Nama asal beliau Haji Daud bin Haji Omar al-Libadi, dilahirkan pada tahun 1903. Gelaran al-Libadi digunakan sempena nama Kampung Limbat, tempat kelahirannya. Semasa kecil beliau diasuh oleh bapanya dengan pendidikan agama dan ketika berusia dua belas tahun beliau dihantar untuk belajar dengan Haji Othman bin Haji Muhammad atau gelarannya Tok Bachok. Apabila mencapai umur lima belas tahun, beliau belajar pula dari Tok Kenali, Haji Omar Sungai Keladi dan ketika berada di Kota Bharu beliau diperkenalkan tarekat Ahmadiyah oleh gurunya yang bernama Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa³⁹.

Tidak puas belajar di pondok-pondok sekitar Kota Bharu beliau dengan keizinan keluarganya bertolak ke India dan belajar di Universiti Deoband. Setelah beberapa tahun di India beliau pergi ke Makkah pada tahun 1927 untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuannya. Pada masa berada di Makkah beliau telah mempertajamkan amalan tarekat Ahmadiyah dan lebih manis lagi dapat mendampingi sekaligus menjadi khadam kepada Sidi Muhammad Azahari sehinggalah gurunya itu menghembuskan nafas terakhir. Setelah gurunya itu menghembuskan nafas terakhir beliau berangkat pulang ke Malaysia. Sekembali dari Makkah awal tahun 1941, bapa mertuanya telah meninggal dunia dan pondok bapa mertuanya diamanahkan kepada Haji Abdullah, oleh kerana Haji Abdullah (sepupu Haji Daud) mahu menyambung pengajian ke India beliau telah mengambil alih menjaga pondok bapa mertuanya. Pondok tersebut tidak lama bertahan kerana selepas perang dunia kedua meletus 1941, Haji Daud berpindah ke hulu Kusial Tanah Merah Kelantan. Beliau kembali semula ke Pasir Puteh dalam tahun 1943 tetapi tidak ke Bukit Abal iaitu ke Kampung Padang Pak Amat sambil mengajar penduduk di sekitar kampung tersebut. Pada tahun 1945 sekali lagi beliau kembali ke Bukit Abal dengan mendirikan sebuah sekolah Arab yang berasaskan sistem persekolahan tidak lagi bersistem pondok. Sekolah tersebut mendapat sambutan dari

³⁶ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, 558-560.

³⁷ Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyah di Negeri Kelantan Darul Naim". (*Journal AFKAR*, 2, (2001), 61-86.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, 221-232. Salleh Mohd Akib, *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*, (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, (2016), 17.

orang ramai tetapi tidak bertahan lama kerana pada tahun 1953 sekolah tersebut terpaksa ditutup kerana masalah kewangan⁴⁰.

Setelah dua kali menempuh kegagalan semasa menabur bakti di Bukit Abal, pada tahun 1965 Haji Daud kembali buat kali ketiga. Keketalan Haji Daud akhirnya membuahkan hasil apabila kelas pengajian beliau mendapat sambutan dari orang ramai. Beliau mengajar tentang ilmu agama, ilmu tasawuf termasuk ajaran tarekat Ahmadiyah. Pada awal-awal tahun pertamanya, sambutan dari masyarakat tempatan terhadap pengajarannya kurang menggalakkan, namun bermula tahun 1968 orang ramai mula mengunjunginya termasuk juga yang datang dari negeri Perak, Johor dan lain-lain. Kegemilangan pondok Haji Daud Bukit Abal kekal sehingga hari ini di bawah bimbingan keluarga Haji Daud. Namun begitu, Haji Daud sendiri tidak lama di pondok ini kerana pada tahun 1975 beliau kembali ke rahmatullah⁴¹.

Haji Ghazali Pulai Condong

Haji Ghazali bin Haji Ismail Muhammad (Tok Bangkok), dilahirkan di Kampung Lati, Pasir Mas pada tahun 1916. Mendapat pendidikan awal mempelajari al-Qur'an dengan kedua orang tuanya kemudian mendampingi Tuan Guru Haji Ahmad Batu Tiga (abang sulungnya). Selepas itu mendalami ilmu agama di Pondok Tok Kenali yangmana Tok Kenali ketika itu telah tua dan uzur. Tidak lama kemudian Tok Kenali meninggal dunia (1933). Setelah kematian guru kesayangannya itu beliau mendampingi Haji Omar bin Ismail Nuruddin Sungai Keladi. Apabila berumur 18 tahun Haji Ghazali belajar di Makkah al-Mukarramah selama empat tahun. Antara guru-gurunya termasuklah Syed Alwi, Syeikh Muhammad Amin Kutbi, Syeikh Hasan Muhammad Masyat, Syeikh Muhammad Shafi'i Kedah, Haji Abdul Rahman Sungai Durian dan ramai lagi. Beliau mengambil tarekat daripada Syeikh Shafi'i Kedah dan juga daripada Haji Abdul Salam Kubang Pasu⁴².

Setelah kembali ke Kelantan beliau membantu abangnya (Tuan Guru Haji Ahmad) mengajar di Pondok Kg. Sipol, Tok Uban, Pasir Mas. Selanjutnya beliau membuka pondok sendiri di Kampung Kok Lanas, mengajar selama kira-kira lapan tahun, iaitu sehingga tahun 1948, kemudian berpindah ke Kg. Galang, Pulai Chondong dan di sinilah pondoknya kian berkembang dan mendapat sambutan ramai. Seorang ulama besar, ahli tasawuf, anggota Jemaah Ulama Majlis Ugama Islam Kelantan dan pengarang beliau ialah Haji Ghazali Pulai Chondong. Beliau meninggal dunia sewaktu masih muda iaitu 53 tahun, pada tahun 1966 akibat diserang penyakit kencing manis. Mengikut isterinya lagi, Haji Ghazali tidak banyak tidur, dia tidur jam 11 malam dan bangun 3 pagi untuk sembahyang sunat tahajjud dan membaca *al-Azhab* Sidi Ahmad bin Idris (tarekat Ahmadiyah). Mengajar selepas Subuh hingga pukul 11.00 pagi kemudian rehat dan mengajar lagi lepas Zuhur sampai Asar. Lepas Asar biasanya membaca al-Quran dan al-Awrad dan berada di mihrab di atas suraunya⁴³.

Pondok beliau di Pulau Chondong pada masa itu 1950 mendapat sambutan ramai sama ada pelajar dari Kelantan dan luar Kelantan yang datang berguru dengan beliau. Salah seorang anak murid kanan beliau iaitu Haji Hussin bin Busu juga dikenali Tok Lebai Hussin berasal dari Terengganu, telah berkahwin dengan anak tempatan dan menetap di Kelantan

⁴⁰ *Ibid.* Che Zarina Sa'ari, "Sumbangan Haji Daud bin Haji Omar al-Libadi Bukit Abal Dalam Perkembangan Tasawuf Kelantan". (*Journal AFKAR*, 8, (2007), 57-82.

⁴¹ Salleh Mohd Akib, *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*, 17. Mohd Faizal Harun, *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Aliran di Malaysia*, 192.

⁴² Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, 159-165. Mahyudin Ghazali, temu bual pada 31hb. Disember 2018.

⁴³ *Ibid.*, Mahyudin Ghazali, temu bual pada 31hb. Disember 2018.

sehingga akhir hayat beliau. Selepas kematian Haji Ghazali, Tok Lebai Hussin orang yang bertanggungjawab menyimpan kitab-kitab, tulisan tangan dan barang-barang Haji Ghazali. Selain di Pondok beliau sendiri, Haji Ghazali juga mengadakan zikir halaqah (tarekat Ahmadiyyah) di Surau Tok Lebai Hussin di Alor Melaka, Pulau Chondong, Machang dan di Surau Haji Yusof bin Abdullah di Kampung Belukar, Pulau Chondong, Machang. Kedua-dua surau ini adalah surau anak murid Haji Ghazali, majlis zikir halaqah dikedua-dua surau ini diadakan selepas solat Iysak. Majlis zikir halaqah di pondok Haji Ghazali dijalankan pada setiap malam Khamis selepas sembahyang Isyak. Kehadiran para ikhwan setiap kali majlis berlangsung antara 40 hingga 50 orang. Majlis zikir halaqah di pondok Haji Ghazali tidak kekal lama kerana setelah Haji Ghazali kembali kerahmatullah dalam usia yang muda (53 Tahun) tidak lagi diteruskan oleh anak-anak beliau dan murid-murid beliau⁴⁴

Haji Abdullah Haji Idris

Nama penuh beliau ialah Haji Abdullah bin Haji Idris bin Haji Noh dilahirkan di Kampung Gajah Mati, Kota Bahru Kelantan pada tahun 1909 bersamaan 1327 Hijrah. Mengikut buku catatan ayahnya, Haji Idris bin Noh (1876-1938), beliau dilahirkan pada malam Ahad 24 Zulhijjah 1327. Beliau merupakan anak ketiga dari enam adik beradik (Auni Haji Abdullah, temu bual). Haji Abdullah Idris mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Padang Garong selama tiga tahun. Kemudian menyambung pelajaran ke Sekolah Agama Madrasah Muhammadiyah Majlis Agama Islam Kelantan yang terletak di bangunan Majlis Agama berhampiran Padang Merdeka Kota Baharu. Di samping belajar di Madrasah Muhammadiyah, beliau juga mengikuti kelas pengajian di pondok-pondok sekitar Kota Bharu. Bermula dengan pondok Tok Khatib Haji Nik Abdullah Haji Abdul Samad, putera ketiga Tuan Tabal, kemudian pondok Haji Ahmad Hakim Abdul Manan yang dikenali sebagai Haji Ahmad Manan di Kubang Pasu dan akhirnya di Pondok Haji Yaakub Haji Ahmad di Lorong Gajah Mati Kota Bahru Kelantan⁴⁵.

Pengalaman peribadinya dihadihkan dengan sehelai jubah peribadi oleh Sidi Muhammad Azahari dan diberikan panggilan seorang lelaki sejati dan berjiwa mulia (*anta rijal*) semasa pertemuan tersebut banyak meninggalkan kesan peribadi yang mendalam pada dirinya yang masih remaja itu dan mempengaruhi pendirian hidup serta menanam iltizam untuk terus berpegang setia kepada kehidupan bertarekat dan pergi lebih jauh lagi dalam menempuhi tahap-tahap perjalanan sebagai salah seorang peneroka ilmu kerohanian (*al-salikin*) dan menghayati ilmu ketuhanan yang hakiki (*ihsan al-din*)⁴⁶. Penglibatan beliau terawal sebagai seorang penggerak tarekat Ahmadiyyah hanya dapat dikesani dengan jelas apabila beliau bertindak di belakang tabir selepas berumah tangga pada 1934 apabila beliau sanggup merelakan dirinya membantu mertuanya, Haji Abdus Salam Muhammad yang sudah mula bergiat mengetuai sekumpulan pengikut dan pengamal tarekat yang kebanyakannya datang dari sekitar Kota Bharu, Kampung Laut selain mereka yang dating dari Kuala Krai dan Selatan Thailand.

Di atas permintaan para pengikut tarekat, beliau dengan bantuan adik ipar yang amat akrab dengan beliau, Ustaz Yahya Haji Abdus Salam, seorang guru di Maahad Muhammadi telah berusaha menyusun sebuah risalah kecil, "*Awrad al-Awlia*". Risalah stensilan ini kemudiannya telah diterbitkan dan diedarkan dengan percuma oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dengan pengesahan semakan oleh Timbalan Mufti Kelantan, Haji Ismail Yusuf. Dengan penerbitan risalah ini pada tahun 1988 oleh jabatan rasmi kerajaan

⁴⁴ Yusof Abdullah, temu bual pada 31hb. Disember 2018.

⁴⁵ Auni Abdullah, temu bual pada 17hb. Ogos 2019

⁴⁶ Anisah Abdullah, temu bual pada 06hb. Mei 2019

dan disemak pula oleh timbalan mufti, maka ia secara telusnya memberikan pengiktirafan pihak berkuasa agama negeri kepada amalan dan gerakan tarekat Ahmadiyyah. Ini ialah suatu pencapaian cukup bermakna dalam tinta sejarah perkembangan tarekat Ahmadiyyah Kelantan. Kerana ia berupa suatu penghargaan dan pengiktirafan yang belum pernah berlaku selepas hampir satu setengah abad tarekat ini bertapak di bumi Kelantan. Penghargaan ini dengan sendiri menggerhanakan dan seterusnya mematikan suara-suara sumbang yang kerap timbul dari semasa ke semasa cuba melebalkan amalan tarekat Ahmadiyyah sebagai suatu ajaran sesat. Risalah dengan terjemahan bahasa Melayu dalam bentuk *stensilan* telah dikeluarkan dengan menggunakan nama **adik ipar** sebagai penyusun⁴⁷. Sehingga di saat menyahut panggilan Ilahi pada 4 Oktober 1994, beliau terus melayani mereka yang mengunjunginya untuk mendapat bimbingan kerohanian dari beliau dan bertanyakan berbagai kemusykilan yang berkaitan tarekat Ahmadiyyah dan sebagainya.

Haji Yaakub Saat

Haji Yaakub bin Saat lahir di Kampung Bechah Keranji Kota Bharu. Tarikh kelahiran beliau tidak dapat dipastikan oleh keluarga beliau. Beliau merupakan menantu dan juga anak saudara kepada Haji Muhamaad Amin (Haji Che Min) seorang tokoh penggerak tarekat Ahmadiyyah sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Sebagai anak saudara kesayangan Haji Che Min, beliau tidak berpisah dengan Haji Che Min, beliau mendapat pendidikan dari Haji Che Min dari zaman kanak-kanak sehingga beliau dijodohkan dengan salah seorang anak Haji Che Min yang bernama Habsah. Selain mendampingi Haji Che Min, difahamkan Haji Yaakub belajar di pondok-pondok sekitar Kota Bharu. Beliau diijazahkan tarekat Ahmadiyyah oleh Haji Che Min sebagaimana Haji Daud Bukit Abal mendapat ijazah tarekat Ahmadiyyah dari Haji Che Min terlebih dahulu sebelum diijazahkan oleh Sidi Muhammad Azahari. Haji Daud Bukit Abal merupakan rakan baik Haji Yaakub dan antara mereka berdua sering berlaku percangahan pendapat. Adakala Haji Yaakub mengalah dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Haji Daud Bukit Abal, begitu juga Haji Daud Bukit Abal mengalah dengan hujah Haji Yaakub. Kerana itu juga Haji Yaakub dipanggil dengan gelaran “Pok Kob Tok Sinar” kerana suka berhujah dari pagi sehingga matahari tegak di kepala⁴⁸.

Beliau menjadi pembantu kepada Haji Che Min dalam menggerakkan perkumpulan tarekat Ahmadiyyah di Bechah Keranji. Kumpulan tarekat Ahmadiyyah di Bechah Keranji Peringat Kota Bharu adalah dianggap abang kepada kumpulan tarekat Ahmadiyyah Kubang Pasu dan Bukit Abal kerana Haji Abdus Salam dan Haji Daud Bukit Abal anak murid kepada Haji Che Min. Majlis zikir halaqah bagi kumpulan Bechah Keranji dijalankan pada setiap malam Isnin, Rabu, Jumaat selepas solat Insya. Selepas kematian Haji Che Min, zikir halaqah telah diteruskan oleh manantunya Haji Yaakub dengan dibantu adiknya Haji Noh Saat tetapi tempat aktiviti telah dipindahkan ke surau yang berhampiran dengan Masjid asal Haji Che Min. Ianya tidak bertahan lama kerana kurang mendapat sambutan dari masyarakat setempat. Pada masa itu juga Haji Yaakub bertindak membantu rakan karib beliau Haji Yahya Abdus Salam dalam menghidupkan kembali zikir halaqah di surau Tuan Tabal, tetapi tidak bertahan lama kerana kurang mendapat sambutan. Akhirnya beliau bergerak secara bersendirian sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1989⁴⁹.

⁴⁷ Auni Abdullah, temu bual pada 17hb. Ogos 2019

⁴⁸ Rahimah Che Ibrahim, temu bual pada 10hb. Mac 2019

⁴⁹ Ahmad Che Soh, temu bual pada 10hb. Jun 2019

Kelompok Penerus

Yahya Haji Abdus Salam

Haji Yahya bin Abdus Salam dilahirkan di Lorong Tok Semian, Kota Bharu pada tahun 1929. Mendapat pendidikan awal dari ibunya sendiri dalam mempelajari al-Qur'an dan kemudian belajar pula dengan ustaz Haji Abdul Hamid bin Taib guru di Jame' Merbau Al-Ismaili. Seterusnya memulakan dunia pendidikan secara formal di Sekolah Muhammadiyah Melayu Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1935 sehingga tamat darjah enam. Kemudian menyambung pelajaran di Jame' Merbau Al-Ismaili pada tahun 1942. Hasrat beliau untuk melanjutkan pelajaran ke India tidak kesampaian apabila tidak sanggup berpisah dengan bapanya dan keluarga beliau, kerana beliau satu-satunya anak lelaki Haji Abdus Salam dengan Hajah Zainab. Pada tahun 14 Mac 1949 beliau meneruskan pengajiannya semula di Jame' Merbau Ismaili di darjah enam hingga darjah sembilan. Setelah tamat darjah sembilan beliau terus dilantik sebagai guru di Jame' Merbau Ismaili bermula tahun 1953 sehingga 1985. Semasa dalam persekolahan lagi beliau telah berkecimpung dalam dunia tasawuf dengan memilih tarekat Ahmadiyyah sebagai amalan hidup beliau. Pada masa itu juga bapa beliau Haji Abdus Salam bersama abang ipar beliau Haji Abdullah Idris telah bergiat aktif mengembangkan tarekat Ahmadiyyah dengan menjadikan surau yang terletak di belakang Pasar Kubang Pasu sebagai pusat kegiatan tarekat Ahmadiyyah⁵⁰.

Atas dorongan dan sokongan abang iparnya itu Ustaz Yahya Abdus Salam berhasrat hendak menghidupkan kegiatan halaqah zikir tarekat Ahmadiyyah di Surau Tuan Tabal yang lesu dan terbiar di Lorong Tok Semian. Usaha murni Ustaz Yahya yang dijalankan pada pertengahan 1980-an ini dengan sokongan beberapa orang rakannya Haji Nik Ismail Haji Nik Abdur Rahman, cucu Tok Khatib Haji Nik Abdullah dan Haji Yaakub Saat, Haji Noh Saat dari kumpulan Bechah Keranji telah berjaya menghidupkan kembali kegiatan tarekat Ahmadiyyah di surau Tuan Tabal. Beliau bukan sahaja cuba menghidupkan perkumpulan tarekat tetapi juga berusaha gigih untuk menyemarakkan kegiatan keagamaan di Surau Tuan Tabal yang bersejarah itu dengan menghidupkan solat waktu berjemaah dan menganjurkan majlis ilmu. Tetapi usaha Ustaz Yahya Haji Abdus Salam ini hanya dapat bertahan selama dua tahun sahaja kerana kurang mendapat sambutan memberangsangkan dari penduduk yang berjiran dengan Surau Tuan Tabal⁵¹. Pada tanggal 23 Mei 1993 bersamaan 4 Muharam 1403 pada hari Khamis jam 1.00 tengah hari beliau telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Besar Kota Bharu dan jenazah beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Banggol selepas waktu Asar pada hari yang sama⁵².

Mustafa al-Jiasi

Sebelum terbitnya karya sulung yang berjudul "Mengenal Diri Dan Wali Allah" nama Ustaz Mustafa Muhamad al-Jiasi kurang dikenali oleh masyarakat Kelantan. Namun keadaan mula berubah apabila karya sulung beliau yang diterbitkan oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. pada tahun 1972 mendapat sambutan yang begitu hangat. Nama beliau mula meniti di bibir masyarakat khususnya ikhwan tarekat Ahmadiyyah Kelantan. Beliau dilahirkan pada tahun

⁵⁰ Muhammaad Yunan Mahmood, *100 Tokoh Guru Maahad Muhammadiyah*, 251-254. Hisyamuddin Yahya, temu bual pada 1hb. Jun 2019.

⁵¹ Hisyamuddin Yahya, temu bual pada 1hb Jun 2019.

⁵² Muhammaad Yunan Mahmood, *100 Tokoh Guru Maahad Muhammadiyah*, 251-254. Auni Abdullah, temu bual pada 17hb. Ogos 2019.

1933 di Kampung Jias, Pasir Mas Kelantan. Setelah berusia empat tahun beliau mengikuti keluarga berpindah ke pondok Tok Guru Haji Abdul Ghani, Kubang Bemban Pasir Mas. Bermula dari situ beliau mengikuti kelas pengajian agama dan Bahasa Arab dan mengikuti sistem pondok sehingga beliau berusia 18 tahun. Kemudian pada tahun 1954 beliau meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan memasuki sekolah Mahaad Muhammadi dengan aliran agama (bahasa pengantar arab)⁵³.

Selepas tamat darjah sembilan di Mahaad Muhammadi dengan keputusan yang melayakkan beliau melanjutkan pelajar ke salah sebuah universiti di Timur Tengah, tetapi beliau terpaksa memendamkan hasrat beliau kerana halangan dari ibu serta beliau sendiri tidak sanggup berpisah dengan ibu beliau. Setelah lulus darjah sembilan beliau telah dipilih menjadi guru agama di bawah Majlis Hal Ugama Islam Kelantan. Semasa itu beliau telah berjinak-jinak dengan ilmu tasawuf, kemudian menerjunken diri ke dunia tarekat dengan memilih tarekat Ahmadiyyah sebagai amalan hidup beliau. Beliau merupakan murid kesayangan Haji Daud Bukit Abal dan beliau turut diijazahkan tarekat Ahmadiyyah oleh gurunya itu. Manakala Haji Daud Bukit Abal merupakan murid kanan Sidi Muhammad Azahari kerana itu Ustaz Mustafa al-Jiasi menyanjung tinggi guru kepada gurunya itu (Sidi Muhammad Azahari). Pada tahun-tahun awal sekitar 1965 gurunya itu mengajar tasawuf dan tarekat Ahmadiyyah di suraunya di Bukit Abal, Pasir Puteh kurang mendapat sambutan dan pernah satu-satu masa beliau belajar secara berseorangan dengan gurunya sehinggalah bermula tahun 1968, orang ramai mula mengunjunginya surau gurunya itu, ada yang datang dari negeri Perak, Johor dan lain-lain⁵⁴.

Karya hasil tangan Ustaz Mustafa al-Jiasi bukan sahaja mengangkat nama beliau tetapi turut menaikkan nama gurunya yang tercatat tulisan tangan Haji Daud Bukit Abal di awal karyanya dan sekaligus memartabatkan tarekat Ahmadiyyah di kalangan masyarakat Kelantan. Antara faktor yang mendorong beliau menghasilkan buku *Mengenal Diri Dan Wali Allah* ialah kerana seorang penceramah di televisyen telah merendahkan ajaran tasawuf, bahkan penceramah itu telah menyatakan bahawa tasawuf bukanlah dari ajaran Islam. Semenjak dari itu beliau menyimpan hasrat untuk menghasilkan sebuah buku untuk menolak balik dakwaan penceramah itu. Berkat kesungguhan beliau telah berjaya melahirkan bukunya itu yang menjadi semacam buku teks oleh sesetengah guru yang mengajar tasawuf. Selepas pemergian Haji Daud Bukit Abal beliau bergerak secara bersendirian menyebarkan tarekat Ahmadiyyah dan rumah beliau menjadi pusat kegiatan tarekat sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhir di Hospital Kota Bharu Raja Perempuan Zainab Kota Bharu pada 2016⁵⁵.

Nik Mahmud Nik Kob

Nik Mahmud bin Nik Kob ialah seorang pelajar lulusan darjah sembilan (thanawi) di Mahaad Muhammadi. Nik Mahmud ialah cucu kepada Haji Sa'id, seorang pengikut tarekat Ahmadiyah terawal di Kampung Laut yang pernah ditalqinkan tarekat oleh Sidi Muhammad Azahari. Bapa Nik Mahmud sendiri iaitu Nik Kob juga seorang pengikut tarekat Ahmadiyyah dalam perkumpulan di bawah kepimpinan Haji Abdus Salam Muhammad di Kampung Kubang Pasu. Nik Kob ialah seorang tukang pembuat rumah kayu yang terkenal cermat dan halus hasil kerjanya. Nik Kob pernah menjadi tukang yang membaik pulih rumah Haji Abdus Salam dan menantunya, Haji Abdullah Idrisi serta juga terlibat dalam menyiapkan rumah kediaman Yahya Haji Abdus Salam, putera tunggal Haji Abdus Salam.

⁵³ Hasbullah Mustafa, temu bual pada 12hb. Mac 2019.

⁵⁴ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Aliran di Malaysia*, 192-197.

⁵⁵ Hasbullah Mustafa, temu bual pada 12hb. Mac 2019.

Nik Mahmud telah diberi kepercayaan menjadi imam Masjid Kampung Laut yang terkenal itu sambil menjadi guru sekolah agama. Beliau memikul tugas imam di masjid bersejarah yang terletak di kawasan Kampung Dalam Pandan, Kampung Laut sehingga tahun 1968 apabila ia telah dipindahkan ke Nilam Puri. Perpindahan ini terpaksa dilakukan kerana masjid ini mengalami banyak kerosakan dan penghakisan kerana berkedudukan di tebing Sungai Kelantan selepas berlakunya banjir pada akhir tahun 1966. Pada saat menjadi imam jugalah Nik Mahmud telah mengetuai halaqah zikir tarekat Ahmadiyyah di Surau Tok Wan Mat (Haji Wan Mamat Sulaiman). Penglibatan Nik Mahmud ini kerana menyambung usaha Haji Wan Mamat yang pernah menjadi pengikut datuknya, Haji Sa'id. Haji Wan Mamat dan Haji Sa'id ialah dua orang pemimpin perkumpulan tarekat yang pernah ditalaquin oleh Sidi Muhammad Azahari. Dalam melakukan kegiatan halaqah zikir tarekat ini beliau telah bekerjasama baik dengan Haji Wan Nordin Wan Adam yang memimpin sekumpulan pengikut tarekat yang sama di surau ayah beliau, Surau Haji Wan Adam⁵⁶.

KESIMPULAN

Sidi Muhammad Azahari merupakan tokoh sufi ternama yang menjadi paksi penting dalam menyambung usaha menyebarkan tarekat Ahmadiyyah di Kelantan yang telah dimulakan oleh Tuan Tabal. Beliau bersama-sama dengan Haji Wan Musa Tuan Tabal dan Syekh Haji Muhammad Linggi ialah tiga serangkai yang telah mampu melonjakkan penyuburan tarekat Ahmadiyyah Kelantan. Ini bertambah-tambah lagi dengan tiga serangkai murid setianya, Tok Khatib Haji Nik Abdullah, Haji Ahmad Mannan dan Haji Yaakub Ahmad Gajah Mati yang begitu patuh dan cekat bergelumang bersama guru mereka dalam menempuhi pahit manis perjuangan memacakkan setinggi-tingginya panji tarekat Ahmadiyyah Kelantan. Dokongan padu dan kental oleh mereka bertiga amat bermakna dan tinggi nilai moralnya kepada seorang guru perantau yang semestinya memerlukan bantuan dan perlindungan dalam menangani berbagai kerenah persekitaran yang asing bagi diri beliau. Selepas itu muncul pula anak murid yang disegani oleh masyarakat meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh beliau dan sehingga kini masih mengekalkan legasi yang ditinggalkan oleh Sidi Muhammad Azahari sebagaimana pondok Haji Daud Bukit Abal masih mengekalkan legasi peninggalan Sidi Muhammad Azahari. Sememangnya sumbangan Sidi Muhammad Azahari wajar digali, dibongkar dan diteliti serta direnungi dengan mendalam supaya hasil sorotan nanti boleh menerapkan banyak iktibar dan pengajaran selain menyuntik keinsafan, panduan dan motivasi kepada generasi muda pada hari ini.

RUJUKAN

- Ali Salih Karrar, *al-Tariqah al-Idrisiyyah fi al-Sudan*, Beirut : Dar al-Jayl, 1991.
- Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015
- Che Zarina Sa'ari, *Haji Muhammad Sa'id Bin Jamaluddin al-Linggi: Amalan dan Sumbangan Dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia*. Jurnal Usuluddin. Bil. 15. Selangor: Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2002.

⁵⁶ Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim", 61-86.

- _____ Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim. *Journal AFKAR*, 2, 2001.
- _____ Sumbangan Haji Daud bin Haji Omar Al-Libadi Bukit Abal Dalam Perkembangan Tasawuf di Kelantan. *Journal AFKAR*, 8, 2007.
- Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.
- Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007.
- _____ *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012.
- Mohd Sarim Mustajab, (Haji Wan Musa B. Abdul Samad-Ulama Islah di Kota Bharu). *Akademika*. bilangan 12, 1978.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan: Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900 1940*, Pustaka Sdn. Bhd. Kota Bharu Kelantan, 1977
- Salleh Mohd Akib (2016). *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Sedgwick, Mark J.R., *Saints and Sons: The Making and The Remaking of The Rashidi Ahmadi Sufi Order*, EJ Brill, Leiden, 2005.

Temu Bual

- Ahmad Che Soh, Cucu Haji Che Min b. Che Wan, Temu bual pada 10hb. Mac 2019, di rumah Kg. Bechah Keranji, Kota Bharu, jam 10.00 am - 12.00 am
- Auni Abdullah, anak kepada Haji Abdullah Idris, Temu bual pada 17hb. Ogos 2019, di rumah Kg. Lundang, Kota Bharu, jam 10.00 am - 12.00 am.
- Anisah Abdullah, anak kepada Haji Abdullah Idris, Temu bual pada 06hb. Mei 2019, di rumah Kg. Kubang Pasu, Kota Bharu, jam 09.30 pm - 12.00 pm.
- Hasbullah Mustafa, anak kepada Mustafa al-Jiasi, Temu bual pada 12hb. Mac 2019, di rumah Telipot Kota Bharu, jam 10.00 am - 12.00 am.
- Ismail Che Daud, Penulis Buku Tokoh Ulama Semenanjung, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018, di rumah Kg. Dusun Muda, Kota Bharu, jam 08.30 am- 11.00 am.
- Mahyudin Ghazali, anak kepada Haji Ghazali, Temu bual pada 31hb. Disember 2018, di

rumah Kg. Telipot, Kota Bharu, jam 08.00 pm- 10.00 pm.

Rahimah Che Ibrahim, Cucu Haji Che Min b. Che Wan, Temu bual pada 10hb. Mac 2019,
di rumah Kg. Bechah Keranji, Kota Bharu, jam 10.00 am - 12.00 am.

Yusof Abdullah, anak murid kepada Haji Ghazali, Temu bual pada 31hb. Disember 2019,
di rumah Kg. Pulai Chondong, Machang, jam 10.00 am - 1.00pm.